

CARA MENGHINDARI PERASAAN DENGKI DAN SEMBURU

Soalan:

Bagaimana cara menghindari penyakit hasad dengki, cemburu, dendam dan seumpamanya?

Jawapan:

Menurut al-Zubair bin al-'Awwam r.a, Nabi s.a.w bersabda:

دَبَّ إِلَيْكُمْ دَاءُ الْأُمَّمِ قَبْلَكُمْ: الْحَسَدُ وَالْبُغْضَاءُ هِيَ الْحَالِقَةُ

Maksudnya:

"Telah menimpa ke atas kamu penyakit umat terdahulu, iaitu hasad dan benci, iaitu perasaan benci menyebabkan seseorang meninggalkan agama." – Hadis hasan riwayat al-Tirmizi.

Cara menghindari penyakit ini:

1. Rendahkan diri kepada ALLAH dan banyakkan berdoa:

اللَّهُمَّ اهْدِ قَلْبِيْ وَأَسْأَلُ سَخِيْمَةَ صَدْرِيْ

Allhumma hdi qalbi waslul sakhiimati sodri

Maksudnya:

"Ya ALLAH, tunjukkan hatiku ke jalan yang benar dan keluarkan segala penyakit hati dari diriku."

2. Kaji al-Quran dan banyakkan membaca ayat-ayat berkaitan hasad. Mudah-mudahan hati bergetar dan menambahkan ketakutan dalam diri.
3. Banyak membaca sejarah kehidupan Nabi s.a.w tentang cara baginda menjauhi sifat itu seperti Kitab Nurul Yakin fi Sirah Sayyid al-Mursalin.

4. Membaca kisah para sahabat mengenai adab dan akhlak mereka seperti Kitab Suwar Min Hayat al-Sahabah, karya Abdul Rahman Ra'fat al-Basha.
5. Apabila syaitan cuba menimbulkan perasaan itu dalam diri kamu, segeralah membaca isti'azah.
6. Jangan risau kejahatan yang dimainkan oleh hati kerana ia tidak dihisab.

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah r.h berkata: "Tidak dihisab terhadap apa yang dimainkan dalam diri manusia. Tetapi, dia dihisab atas apa yang dikatakan atau dilakukannya."

7. Banyak memberi hadiah dan salam kepada orang yang dihasad untuk menimbulkan perasaan sayang.

Sabda Nabi s.a.w:

أَوْ لَا أَدُلُّكُمْ عَلَى شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابَبْتُمْ: أَفْشُو السَّلَامَ بَيْنَكُمْ

Maksudnya:

"Mahukah aku ajar kepada kamu suatu perkara jika kamu lakukan bersama-sama akan menambahkan kasih sayang, iaitu sentiasa memberi salam antara kamu." –Hadis riwayat Muslim, Ahmad dan al-Tirmizi.

Wallahu a'lam.

BERMINAT DENGAN ISLAM

Soalan:

Sejak akhir-akhir ini, teman lelaki saya mula berminat dan ingin mendalami agama Islam. Bagaimana cara untuk saya pastikan keinginannya itu sama ada lahir dari keikhlasan atau hanya kerana sayangkan saya semata-mata?

Jawapan:

Asal iman di dalam hati. Oleh itu, niat memainkan peranan penting dalam syariat Islam.

Umar bin al-Khattab r.a pernah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya apa sahaja yang dilakukan bermula dengan niat. Sesungguhnya apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang bergantung kepada niatnya. Sesiapa yang berhijrah kerana ingin mendapat habuan dunia atau kerana wanita yang ingin dikahwininya, maka apa yang dia dapat daripada hijrahnya itu hanyalah sesuatu yang dia inginkan.” – Hadis riwayat al-Bukhari.

Syarak tidak pernah memerintahkan kita menyelidik secara mendalam hal berkaitan hati atau keimanan. Urusan itu hendaklah diserahkan kepada ALLAH. Malah pernah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w membunuh seseorang ketika dalam peperangan walaupun mengaku beriman kerana tidak percaya dan menyangka dia berbuat begitu agar tidak dibunuh.

Menurut Abu Said al-Khudri r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

إِنِّي لَمْ أُؤْمَرْ أَنْ أَنْتُقِبَ عَنْ قُلُوبِ النَّاسِ وَلَا أَشُقَّ بَطُونَهُمْ

Maksudnya:

“Sebenarnya aku tidak pernah diperintah mencungkil apa yang terkandung dalam hati orang atau membelah dada-dada mereka.” – Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Semoga setelah dia memeluk Islam dengan niat sebegitu pada mulanya akhirnya membuahkan benih-benih Islam dengan didikan agama yang tulen kepadanya. Mudah-mudahan dia akan memperbaguskan keislamannya agar ALLAH menerima keislamannya. Bagi sesiapa yang mempunyai hubungan dengannya hendaklah menasihati agar dia memperbetulkan niat sebelum memeluk Islam.

Paling penting dalam Islam perkahwinan sah sebagaimana pernah berlaku kepada Ummu Sulaim. Anas bin Malik r.a berkata:

تَزَوَّجَ أَبُو طَلْحَةَ أُمَّ سُلَيْمٍ فَكَانَ صَدَاقُ مَا بَيْنَهُمَا الْإِسْلَامَ أَسْلَمَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ قَبْلَ أَبِي طَلْحَةَ
فَخَطَبَهَا فَقَالَتْ إِنِّي قَدْ أَسْلَمْتُ فَإِنْ أَسْلَمْتَ نَكَحْتُكَ فَأَسْلَمَ فَكَانَ صَدَاقُ مَا بَيْنَهُمَا

Maksudnya:

“Abu Talhah telah mengahwini Ummu Sulaim. Dijadikan mas kahwin antara mereka berdua hanya bersetuju memeluk Islam. Ummu Sulaim telah memeluk Islam sebelum Abu Talhah lalu Abu Talhah ingin meminangnya. Ummu Sulaim berkata: Sesungguhnya aku telah memeluk Islam. Jika engkau memeluk Islam aku pasti berkahwin denganmu. Lalu dia memeluk Islam dan itulah mas kahwin mereka berdua.” – Hadis sahih riwayat al-Nasaai.

Wallahu a'lam.

ORANG KAFIR MASUK MASJID

Soalan:

Apakah hukum orang kafir memasuki masjid?

Jawapan:

Haram kaum muslimin membenarkan orang kafir memasuki Masjidilharam dan berada di sekitarnya sebagaimana firman ALLAH S.W.T:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis. Oleh itu, janganlah mereka menghampiri Masjidilharam sesudah tahun ini.” – Surah al-Taubah: 28.

Manakala masjid selain Masjidilharam, ulama berselisih pendapat. Sebahagian mengharuskan dan sebahagian lagi mengharamkan diqiyaskan kepada hukum Masjidilharam.

Pendapat paling tepat, harus membenarkan orang kafir memasuki masjid selain Masjidilharam sebagai masalah (kepentingan agama) atau supaya mereka dapat mendengar apa yang ceramah yang disampaikan agar mereka tertarik dengan Islam. Begitu juga dia harus memasuki masjid untuk meminum air, membuang air dan sebagainya.

Tsabit perbuatan Nabi s.a.w menambat Tsumamah bin Atsal al-Hanafi di dalam masjid sebelum Islam, menerima tetamu daripada kalangan kristian Najran sebelum mereka memeluk Islam di dalam masjid dan banyak lagi. Tetapi, dia hendaklah berada di saf belakang dan tidak mengganggu kaum muslimin yang ingin menunaikan solat. Wallahu a'lam.

PEMBANTU RUMAH KRISTIAN

Soalan:

Saya mempunyai seorang pembantu rumah Indonesia beragama kristian. Adakah saya perlu menutup aurat ketika bersamanya?

Jawapan:

Tidak wajib wanita Islam menutup aurat bersama wanita kafir menurut pendapat paling sahih antara perselisihan ulama. Sebahagian ulama mewajibkannya berdalilkan firman ALLAH S.W.T:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا ... نِسَائِهِنَّ

Maksudnya:

“Janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali kepada... perempuan-perempuan....” – Surah al-Nur: 31.

Pendapat pertama mengatakan ungkapan ‘wanita-wanita’ di dalam ayat hanya khusus kepada wanita Islam sahaja. Pendapat kedua pula mengatakan ia bersifat umum sama ada wanita Islam atau kafir. Inilah pendapat paling sahih dan tepat (rajih) kerana tsabit di zaman Rasulullah s.a.w wanita-wanita yahudi memasuki rumah isteri-isteri Nabi s.a.w tetapi tidak pernah dinukilkan mereka memakai hijab.

Jika perkara memakai hijab berlaku, pasti hal itu telah sampai ke pengetahuan kita melalui hadis dan atsar. Ini kerana, para sahabat tidak pernah tertinggal walau satu perkara berkaitan agama pasti dinukilkan kepada kita. Wallahu a’lam.

BERKAWAN DENGAN LELAKI KRISTIAN

Soalan:

Adakah menjadi satu kesalahan apabila seorang perempuan beragama Islam berkawan dengan seorang lelaki beragama Kristian?

Jawapan:

ALLAH melarang orang beriman menaruh kasih kepada kuffar, membantu atau menjadikan mereka kawan rapat sekiranya mereka berlaku tidak adil atau menzalimi orang Islam sebagaimana firman ALLAH di dalam surah al-Mujadilah,

ayat 22. Jika sebaliknya, harus bergaul dengan kaum kuffar dan ahli kitab berdasarkan firman ALLAH di dalam surah al-Mumtahinah, ayat 8.

لَا يَنْهَىكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ تُخْرِجُوا مِنْ دِينِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Maksudnya:

“ALLAH tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya ALLAH mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

Tetapi, sebagai wanita kamu wajib menjaga aurat dan adab pergaulan sama ada sesama Islam atau bukan Islam. Menurut pandangan saya, jika ada kepentingan untuk agama seperti berdakwah, atas urusan kerja dan belajar sudah tentu perbuatan itu dibenarkan. Jika semata-mata bergaul hingga mendatangkan fitnah dan maksiat, ia diharamkan. Wallahu a'lam.